



Kisah Naz dan Khaalish

Hanina Abdullah

Download now

Read Online ➔

Kisah Naz dan Khaalish

Hanina Abdullah

Kisah Naz dan Khaalish Hanina Abdullah

PERTUNANGAN empat tahun dulu memberi impak yang sangat besar dalam kehidupan Nazrahani Idora dan Zaim Khaalish. Walaupun Naz sudah bergelar status tunangan lelaki itu, namun dia tidak pernah bertemu muka dengannya. Khaalish pula tidak pernah ingin mengetahui tentang perempuan itu, yang difikirkannya hanyalah Ilsa.

Naz cuba melupakan peristiwa itu dengan membawa diri, merantau serata dunia. Namun kenapa Allah temukan dia semula dengan lelaki itu?

Dek jatuh hati dengan tunang ‘teknikal’nya, Zaim Khaalish sanggup terbang ke merata pelosok alam untuk menjejaki si dia.

“Encik Zaim Khaalish, awak jangan nak merepek. Tunang amende? Empat tahun tak ambil pusing, jumpa di Bali pun awak tak kenal saya, you dare to say that we are still engaged?”

“Empat tahun ke lapan tahun, saya tak peduli. Technically, we are still engaged.”

“Technically? Technically?!”

Semenjak itu, entah kenapa, Khaalish asyik mencari dan terus menjejaki Naz. Di mana saja Naz berada, dia pasti akan ada di situ. Naz pula, mulut saja kata tak suka, tapi sebenarnya hati suka kerana kehadiran Khaalish di sisi selalu mengubah rasa sunyi dan rindu...

Reham: “Huh, pengecut! Nutter! Apa erti hidup jika kita takut nak kejar kebahagiaan? Kalaupun gagal, sekurang-kurangnya awak sudah mencuba dan boleh reda dengan ketentuan Tuhan. Kebahagiaan datang mengetuk di pintu awak, tapi awak yang takut hendak buka.”

Nazrahani Idora: “Reham, awak tak tahu, empat tahun lalu, teruk saya cuba bangun semula, bina keyakinan diri, bina hidup yang baru, di mana tak ada lagi lelaki yang boleh buat saya rasa tak ada nilai diri. Kalau saya cuba sekali lagi dengan dia, dan... dan... gagal... Saya rasa saya takkan mampu bangun sekali lagi.”

Kisah Naz dan Khaalish Details

Date : Published February 2013 by Penerbitan Karyaseni Sdn Bhd

ISBN :

Author : Hanina Abdullah

Format : Paperback 533 pages

Genre : Novels, Love

 [Download Kisah Naz dan Khaalish ...pdf](#)

 [Read Online Kisah Naz dan Khaalish ...pdf](#)



Download and Read Free Online Kisah Naz dan Khaalish Hanina Abdullah

From Reader Review Kisah Naz dan Khaalish for online ebook

Don ? says

Kisah Naz dan Khaalish.

Nak cerita bagaimana ya? Sejak dari awal bab saya dah suka dengan watak Naz. Novel ini saya baca dulu sebelum PMS. ~~Next time pergi Pesta buku nak beli buat koleksi, ini sy pinjam dr mak cik.~~

Watak Naz yang sangat selamba, sbg penulis freelance, normal bg dia utk jadi tabah. Ex-tunang Khaalish, bertunang pun sebab ayah. Tak dapat gambarkan perasaan seorang perempuan yang dari keluarga berada tapi miskin kasih sayang,tp tetap boleh jaga diri ikut prinsip yang sepatutnya. Tak liar. Cool bila dia bagi balik cincin pada Khaalish masa berpisah kat Bandung.Dengan cool& selamba pula tu...

Watak dia seperti gadis tipikal masa kini , berpelajaran, tak sombong, tak pandai masak (macam aku) except for the fact, she knows how to sosialize given by the nature of adventurous soul inside. Time mereka nikah kat Thailand tu yang idea paling gila tak pernah saya fikir. Lol. Bukan kahwin lari tapi sbb nak ikat Naz dari lari. I thought they will never get married coz Naz main tarik tali kaw-kaw la konon. Kenapa nak merendahkan diri untuk lelaki yang pernah sia-siakan masa dan hidup dia dulu. Right?

Sebenarnya novel Hanani Abdullah ini yang pertama saya baca. Dalam fikiran saya, " OMG, this is the first heroin that I fall I love!". Macam mana-mana novel, selalunya hati perempuan akan terusik dengan karakter laki-laknya. Novel ni buat saya kagum dan jatuh cinta pada watak perempuan. YES! She is awesome!!!And NO I'm not lesbian! Khaalish pun ok, tapi tak pernah saya baca penulis mengangkat watak heroin ke satu tahap yang tersendiri seperti ini. Sungguh, saya kagum! Dia tegas seperti seorang perempuan yang berprinsip tapi tidak sedikit mengurangkan kelembutan dan keayuan wanita sejati. Hiperbola??? hahaha, cakaplah apa pun. Wajib baca pada wanita2 yang single-mingle/berkerjaya/ even emak-emak orang pun. Adik-adik pun boleh baca. Smile.

Mak mertua yg macam Nyonya Mansur pun dia boleh tundukkan. Cool. Awesome.Jadi geng lagi. Plg best bila dia boleh sepadan dengan pemikiran sy. Cinta tak bermakna tanpa restu ibu bapa dan nak kahwin bukan dengan suami tapi dengan mertua juga. So sikap kat mertua pun penting rasanya.Tak mahu Nyonya Mansur jd mom in law. Jatuh cinta pad watak Naz more than hero.

Deknalee says

hehehe... novel kak Nina yang kedua ni saya beli disebabkan novel pertamanya yang da bomb! gila2! Novel ni berkisahkan tentang... Khaalish, yang 'bertunang' secara 'teknikal' dgn naz. naz ni, sekali pun Khaalish tak nak pandang (dulu la). memang sakit hati dengan perangai playboy khaalish ni. tuhan je tau. rasa nak katok dengan tukul besi.. (-_-")

Jumpa dengan Naz kat bab awal... time tu, ada magnet tarik mata dia. aiyok! Naz tahu yang khaalish tunang teknikal dia tapi khaalish blur giler! ("_-") khaalish tak tau ape2. semakin naz lari semakin khaalish mengejar. hahaha. time ni suka sebab sweet sangat. pandai kak nina buat cerita sweet2 macam ni... mujur takde kencing manis. kalau tak kena potong kepala dah den ni.. (-_-")

Kejar punya kejar, Naz ni masih lagi ada hati kat khaalish... complicated la nak cite sbb kalau cerita review dia sampai abis, nanti orang tau la citer dia. meh sini, sy singkat2kan. saya bagitau scene saya paling suka. :)

pada mukasurat 268 : komen saya, what the heck is going on with Khaalish? Nakal ya rabbi! sampai tersengih gile2 membacanya... tertera kekalutan naz kat situ. so cute. :)

Bab 38 mukasurat 333-335... saya pulak yang terlebih terharu bab ni. auww! sweet sangat.

bab 46 muka surat 409 :

overall : bab 30 dan 46 paling buat saya melompat sampai ke bintang. sebab bab tu paling comel sampai ke galaksi sana.. >.<

"makha khokha chaya? chaya khuak ghee cho phukha!" sumpah ... time baca skrip ni, gelak sampai bergegar rumah sewa... satu rumah dengar. ambik ko! yang mana tak baca lagi novel ni, sila-sila la baca. yang mana ada kencing manis tu, sediakan air suam sebanyak ye.. kalau nak baca tak nak pi toilet berulang kali, silalah pakai pampers siap-siap sebab novel ni kelakar dan sweet. sekian. :)

Hajar says

Buku kedua penulis ni tidaklah se-ekstrim kisah PMS. Tapi masih mampu buat kita tersenyum dan ketawa dengan pelbagai gelagat Nazrahani Idora (Naz) dan Zaim Khaalish (Khaal).

Naz dan Khaal bertemu di Bali semasa percutian mereka. Naz masih mampu mengecam lelaki yang pernah menjadi tunang olok-oloknya itu. Berlainan pula dengan Khaal, pertemuannya dengan Naz umpama magnet yang menariknya untuk mengenali peribadi si gadis. Peribadi Naz yang sungguh misteri menggamitnya untuk mengenali si gadis dengan lebih dekat. Bila mengetahui yang si gadis rupanya pernah jadi tunangan, memang mudahlah Khaal menyusun strategi kan?

Tapi malangnya tak semudah itu. Naz ni ibarat merpati. Nampak jinak tapi bila mendekat cepat dia lari. Mana tidaknya, pertunangan olok-olok yang berlangsung empat tahun dulu begitu memberi impak dalam hidup Naz. Kepahitan yang terpaksa diharungi akibat pertunangan yang diatur tu berjaya buat Naz mengepung hatinya daripada diceroboh oleh Khaal. Bukan senang nak bina kembali keyakinan diri setelah peristiwa pahit itu.

Namun, sejauh mana pun dia berusaha menolak dan menjauhi Khaal, si jejaka tak putus asa mencari dan menjejarnya. Sebenarnya kalau ikutkan perjalanan mereka ni senang bila ikatan pertunangan mereka sebenarnya tak pernah terputus. Cuma yang jadi masalah bila ada ibu dan bapa yang terlalu mengongkong ni. Puan Sri Freida, ibu Khaal yang cerewet tu memang tak setuju bila Khaal bersungguh mengejar Naz. Baginya Naz tak setaraf dengan Khaal. Penampilan 'sempoi' Naz tu tak sesuai untuk di bawa ke majlis keramaian. Adoi, betul-betul Nyonya Mansoor zaman moden ni. Manakala Dato Nazari, bapa Naz tu pula nampaknya memang jenis bapa yang mementingkan kedudukan dan kekayaan keluarga mereka berbanding kebahagiaan anak-anak.

Orang kata walau sejauh mana pun pergi, tetap juga bertemu bila dah tertulis jodoh mereka. Berita yang agak mencemaskan itu rupanya membawa sesuatu petanda baik untuk hubungan mereka. Naz akhirnya menerima lamaran Khaal. Phew. Memang agak payah Puan Sri Freida nak terima Naz pada mulanya, tapi lama kelamaan boleh jadi kanceng pula sebab Naz ni jenis tak banyak membantah kehendak mertua. Siap dapat petua lagi macam mana nak halau 'langau-langau' yang bakal menempel pada Khaal. Cool kan? :D

Komen saya: Saya memang suka dengan watak Puan Sri Freida a.k.a Nyonya Mansoor ni. Memang Nampak

typical type of mak mertua yang cerewet. Logiklah. Anak dia seorang itu jelah. Mesti dia nak yang terbaik untuk anak dia kan? But I think she's cool. Boleh selamba je dia tegur Ayman (abang ipar Naz) yang sibuk berdating dengan girlfriend sampai lupa anak isteri tu. Haha. Cuma agak tak puas hati bila kisah Ayman dan Ilyani tu hang macam tu je. Sama macam kisah Zahra dengan Husna dalam PMS dulu. Mungkin penulis ada sebab tersendiri biarkan kisah mereka tergantung begitu. Apa pun tahniah dan terima kasih ye Hanina untuk buah tangan terbaru ni. Sangat enjoy baca kisah yang santai ni walaupun ada sedikit kecacatan dalam proses editing buku ni. :)

Kamaliah says

LOVE IT!!!! As usual Hanina's book does not disappoint me. Although I like her 1st book better (PMS), this book is also very entertaining. It was fun and very pleasing to read. Not too much conflict and everything was pleasant. I spent 4 hours reading this book simply because I cannot put it down. Literally cannot put down! I'm even holding it while vacuuming. Hahahaha...

Liebe Schatz says

Lama nya buku ni atas rak. Tertunggu-tunggu mintak dibaca. Sian dia. Baca pun bila nampak buku Penulis yg baru dah keluar. Nak baca itu kene baca yg ni dulu. Nah.... Hambekk kau. Lambat setahun.

Tapi bila mulanya mukasurat pertama, jadi tak boleh letak pulak. Sedap cerita ni rupanya. Walau tak boleh selesai dalam sehari mcm setengah buku tu... (itu sebab baca hari cuti. ini tengah minggu...hi hi hi) tapi kita sediakan masa dan ruang sebab nak habiskan cepat buku ni.

Jalan cerita menarik. Lari dari tajuk biasa. Selalu nya kawin paksa. Tapi ini belum sampai tahap kawin lagi. Tunang paksa. Walau dia dapat lari dari bernikah tapi lepas tu yang bertunang paksa ni pulak paksa orang tua nikahkan dia orang. Memang lari dari jalan cerita biasa-biasa.... hi hi hi....

Penyampaian sangat menarik. Sangat catchy. Buat kita tersengih-sengih baca. Part Naz saya suka kan karakter dia yg suka menggelar org lain dengan mcm2 nama tapi cuma dalam kepala dia sendiri. Dan Part Khaal pulak saya suka karakter dia yg akan ambik note apa yg Naz suka dan tak suka dalam tempoh nak mengurat. Lelaki mmg cam tu ke.... hrmmmmm

Sapa yang masih belum baca, sila sila lah cari. Saya sejujurnya lebih suka kan Kisah Naz dan Khaalish dari Projek Memikat Suami. Dan nampak nya terpaksa la saya beli Seteguh Fayqa. Nak tau apa cerita Hanina Abdullah kali ni.....

Terima Kasih Hanina Abdullah. Saya terhibur.....

Waketheladies says

terlebih dahulu, sy mohon maaf sekiranya apa yg akan saya coretkan ni bisa menyentak hati sesetengah pihak yg mungkin kurang bersetuju dengan pendapat saya.

saya mengenali karya penulis melalui novel petamanya, Projek Memikat Suami (PMS). sungguh, hati saya jatuh cinta dengan gaya ceritanya. oleh itu, bila terjumpa karya keduanya ini, tanpa ragu saya terus beli.

semangat betul nak membacanya. namun bila membaca helaian2 awal, terus saya set dalam otak; this story is just the same as PMS. terus mati keinginan saya untuk mendalami cerita ini.

kenapa saya cakap sama?

yang paling ketara;

1. perkahwinan yang diatur keluarga
2. hero dan heroin datang dari keluarga yang sama2 'hebat'. tetapi tentulah heronya berganda2 kaya raya dari heroin. datok datin puan sri tan sri itu WAJIB ada.
3. hero selalu kena kejar ngan perempuan2 murah. heroinnya pulak setia yang amat.
4. heroin seorang yg sangat bebas utk ke sana ke mari (melancong). melancong boleh buat heroin lupa yg dia patut sedar bahawa di tanahair ada yg wajib dihormati, diberitahu kemana tujuannya supaya org x susah hati.
5. hero selalu salah dalam membuat penilaian. heroin yg pandai, sabar dan berakhlak mulia dalam menangani masalah yg melanda.

secara peribadi, saya mengharapkan Hanina Abdullah membawa pembacanya ke suatu situasi yang berlainan. jangan terlalu hanyut dengan cinta orang kenamaan sebab orang biasa(yang xde pangkat anak datuk, tan sri bagai ni) juga ada kisah cinta yg sama menariknya.

cukuplah PMS membuai pembaca dengan cinta golongan atasan. sekiranya anda menulis novel ke 3 dan yg akan datang (jika ada), besarlah harapan saya, yang meminati karya awak, untuk melihat sisi lain kehidupan hero dan heroin yg lebih masuk akal.

Tinana Hmb says

Wow!! ...wow!!... dan WOW!! Tak tau apa nak cakap selepas saja siap membaca. Senyuman terukir di bibir, kepuasan memiliki buku ini sangat tinggi. I really love both characters especially the girl. Peranannya yang independent, sweet, cute, brainy tough and funny tu memang menerujakan sepanjang pembacaan. I really really love it!!... Thank you Ms.Writer?

kuzzeen says

Naskah untuk dilepaskan; RM14.00. Pm je....

Sukarnya untuk 'memandang' naskah kedua penulis ini tanpa membandingkan ia dengan PMS. Dan Kebetulan @ Suratan, KISAH NAZ DAN KHAALISH menggunakan acuan yg sama.

(for me) KNDK seolah-olah seperti 'duplicate' kepada PMS. Kembar x seiras tapi sama. Pelaku yg sama (yg beza cuma nama). Norma kehidupan yg sama (still dari family yg 'over the pagar'). Konflik yg sama (masih berkisarkan jejaka yg menjadi rebutan gadis2).

CUMA.... KNDK lebih rumit dan berselirat jika dibandingkan dengan PMS.

TAPI.... Maaf, aku kurang setuju dengan cara ia diolah. Lebih manis sekiranya naskah ini berpaksikan plot pertunangan Naz dan Khalish juga kemelut dengan Ilsa. Letakan plot tersebut pada separuh masa ketiga sedikit 'meringankan' naskah ini.

Ketika PMS, aku mencari2 gelodak jiwa dan rasa Nawwal yg kurang diberi penekanan. Untuk KNDK, jiwa dan rasa Naz dan Khaalish terus 'hilang' dalam dominasi ayat2 manis bergula. Penulis punya peluang besar ketika babak Datuk Nazari merampas passport Naz dan juga ketika babak Khaalish ditangkap khalwat kali ke-2 dengan Ilsa.

DAN.... untuk KNDK, pelaku lelaki utama terlalu 'girlish'. Penulis seolah-olah hilang sengat ketika mengolah mainan perasaan watak Khaalish. Mungkin disebabkan pemilihan ayat yg sama ketika monolog dalaman 'heroin' dan 'hero'nya, perbezaan gender - tiada.

DAN.... gelaran yg di-switch sesuka hati untuk pelakunya, agak menjengkelkan. Contoh :- si gadis, si dara pujaan, si awek, si isteri...etc etc

Agak MELAMPAU untuk aku rumuskan bahawa; penulis agak 'over-exited' melakar KNDK hingga seringkali 'terbabas' dalam meletakkan garis sempadan mainan perasaan pelaku2nya.... tapi, aku sentiasa telus dengan naskah yg kubaca.....

Salahkah jika pembaca mengharap naskah ke-2 lebih menyengat daripada naskah pertama walaupun pembaca tahu si Penulis juga manusia biasa..... rentak penulisan mereka juga seperti roda.....

Yuni says

Terbaik yuni. Kamu baca buku ketiga then kedua so sekarang ni start jengah2 kedai buku untuk cari PMS pula yek.

Beli buku ni sebab tertarik dengan buku ketiga penulis. Dah habit agaknya, once baca buku dari seorang penulis, akan try sedaya mungkin untuk completekan baca/miliki buku2 beliau. So misi mencari bermula juga akhirnya. Cuma dimulai dengan confident yang melampau. Dengan confident minta tolong kat staff Harris untuk cari buku judul Cinta Nash & Khalisha. Memang takkan ada lah kan unless tetibe yuni decide nak menulis pula lepas ni. Jenuh staff tu cari dalam database. Dengan muka confident lagi, yuni cakap salah judul lah yek. Sabar betul staff tu membantu. Terima kasih yek.

3.5 untuk buku ini. Not bad lah untuk rating buku Melayu sebab AMAT jarang yuni beri rating tinggi disebabkan plot yang agak cliché tu. Ceritanya not bad even selalunya orang cerita suami kejar isteri or isteri kejar suami. Yang ni pula tunang lelaki kejar tunang olok2 perempuan sampai ke Laos.

1. Satu yang tak berapa suka or mematikan niat untuk meninggikan bintang adalah part ketawa dalam novel ini. Iye memang hidup perlukan ketawa or mengusik tapi perlu ke tulis "hahaha...."? Dalam message or status FB mungkin buatlah kan. Tapi dalam perbualan di sebuah novel? Rasa macam tak formal pula ditulis begitu. Memang novel ini untuk santai tapi I don't know whether it just me or what, but that 'hahaha' part kill my mood. Sorry, dear author.

2. Jutaan terima kasih kepada penulis kerana berjaya memecahkan rekod peribadi yuni. Selalunya once penulis bercerita tentang bercuti or tinggal di luar negara, yuni sedaya upaya akan skip sebab most of the time, mereka (even my favorite authors), tend to sumbatkan segala memori percutian peribadi mereka ke dalam novel. Contohnya katalah pergi Turki, berpuluh2 page or kadang tu beratus page, hanya bercerita tentang percutian tersebut. Mula2 sampai pergi check in hotel ni. Then pergi tempat sejarah ni. Lepas tu ke situ. Then ke sana. Terasa macam bukan baca novel tapi laporan percutian pula. TETAPI dalam novel ni, rasanya first time kot yuni tak skip. Even rasa teruja pula bila baca part kat Laos tu. Macam menarik pula baca tentang Sungai Mekong. sampaikan rasa macam nak pergi pula tengok kafe2 di situ or upacara keagamaan penduduk setempat. Serius tertarik. Bravo. Yuni ni agak cerewet sikit so kalau ada yang menarik minat, for me, it's something. Thank you again, author.

3. Komen ini khas untuk encik Khaalish. Kamu tu dah nampak bersungguh2 nak dapatkan Naz. Sampai sanggup terbang ke tempat terpencil tu hanya untuk temankan tunang. 100 point for ya BUT kes Shonnie or Ilsa tu, terus fail tahu tak? I try to defend you but the way you act...argh...I can't! dia suruh Naz tu berterus terang kalau ada masalah. "jangan ada rahsia antara kita". Cewah...bila berkata memang nampak manis. Tapi untuk buat pada diri sendiri, susah kan? Kamu boleh biarkan Naz terkapai2 dalam kegelapan. Kamu ingat dengan "be patient" tu boleh ubah segalanya? Naz tu bukan bodoh. Kalau kamu boleh terangkan, InsyaAllah dia boleh faham. Bagus ur mummy buat macam tu. Tahulah kamu tu hati lembut, kasihan dengan perempuan tapi ada batasnya. Walau apa pun, boleh pula Ilsa dibawa masuk ke vila. Haii...kalau yuni lah jadi Naz, memang kecil hati sangat. Dahlah suami kena tangkap basah olok2, suami tak percaya then bekas kekasih suami serang pula. Haip patutnya Naz tu kena kebalkan hati sikit. Ni dengan pantas, memaafkan apa yang Khaalish buat. Sedih tau yang membaca ni. NO! Geram tahu tak????

4. Apa cerita tentang Ilsa lepas tu? takkan mati gitu je? tak bestnya lah hai. Memang trend penulis melayu ek? Watak jahat masuk tanpa beri salam. Then keluar dari cerita tanpa tinggalkan pesanan. Kalau tetamu buat macam tu, tahu tak dipanggil apa? TAK SOPAN.

Rasanya takde lagi kot nak dikomen. Cukuplah setakat ni.

p/s: Oh ye, part Reham kat jambatan Putrajaya serius lawak.

Cik Pah says

Ini novel ke2 Hanina Abdullah yang saya beli kat pesta buku di PWTC. Kata promoter novel ni baru je keluar dr kilang tak sampai pun lg kat mana2 tempat.

Cerita kali ni kurang sengat sikit dr 1st novel PMS. Ops jgn pelangkung Che Pah. Setiap orang ada citarasa sendiri. Pada saya cara penceritaan mcm ada 2 orang yg tulis untuk part sebelum berkahwin dengan selepas berkahwin. Yang pasti cerita selepas berkahwin tu gaya penulisan pengarang yg saya suka.

Kiki says

Novel "Kisah Naz dan Khaalish" is novel kedua penulis Hanina Abdullah. Terdapat banyak persamaan di antara novel pertama dan keduanya ne. However, unlike novel "Projek Memikat Suami", this novel didn't leave me fully-satisfied. I've started reading this novel early December last year, I think but baru recently I khatam. My reading terganggu at the beginning... maybe sebab I rasa annoyed dengan aksi kejar mengejar diantara kedua2 watak utama. Maybe juga, sebab I rasa annoyed disebabkan persamaan character watak

utama perempuan dengan Nawwal Husna (from novel penulis yang pertama)... bukan tak suka dengan character2 ne. I just thought how sama those two characters are. So many terms yang mengingatkan I kepada Una (for example, kutu rayau) and these thoughts menyebabkan I rasa terganggu membaca novel ne. Maybe juga sebab I rasa terganggu dengan nama watak2 sebab Naz ne macam nama lelaki. Khaalish pulak, I always bayangkan watak perempuan sebab I have a friend bernama Khaalisha... huhu. Also, the ending is somewhat ambiguous. Will get back to that...

Kisah Naz dan Khaalish tells a story about a guy who met a girl and falls at first sight. Unbeknownst to the guy, perempuan tu sebenarnya adalah tunangan olok-oloknya. Dijadikan cerita pendek -- the guy likes a girl, mother tak suka, mother carikan jodoh "olok2", ditunangkan, girlfriend hilang, tunang dah jadi tapi got busted, the tunang olok2 lari meninggalkan Malaysia, tunang jumpa tunang, tunang jatuh cinta, tunang resist, in love, kahwin, girlfriend lama muncul semula, marriage got conflict, kebenaran terbongkar, happily ever after...

I suka dengan plot cerita novel ne. Somewhat typical tapi unusual jugak at the same time. Terdapat unsur kahwin terpaksa, tapi not really la sebab memang kedua2 belah pihak tu green light. Setelah lama berusaha untuk memikat Nazrahani Idora (Naz), Zaim Khaalish (Khaalish) akhirnya berjaya juga mengikat Naz dengan ikatan perkahwinan yang diadakan secara tergesa2.

I like penulis' view on marriage. It's not a game; once dah bergelar isteri, watak perempuannya tahu dengan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri.

I suka pada watak Zaim Khaalish. Pada mulanya, I really thought that penulis is being nonsense sebab seorang playboy boleh terjatuh hati dengan hanya sekali pandang. Jatuh dia tu, bukan main parah lagi. However, towards the end, I can see why. A very nice twist about the past story with the ex. Selalunya, lelaki ne pasrah je kalau kena attack oleh pejabat agama. However, Zaim Khaalish felt different about this. I can see juga that when he loves a girl, dia memang sayang habis, tapi ada juga batasannya. Very smart kind of guy.

I also like watak perempuannya, Naz. Pada mulanya, I tak berapa suka sebab dia berhati batu tu LAMA sangat. I understand dia sakit dengan apa yang menyimpannya, tapi I don't like dia menafikan perasaan dia towards Khaalish. However, dekat2 before hari perkahwinan mereka, I dah mula suka dengan Naz sebab at last dia menyerah kalah dengan perasaan dia. I like that very much.

Another watak2 yang I sangat suka -- parents Khaalish, Tan Sri Kamaruzzaman dan Puan Sri Frieda. Puan Sri Frieda mempunyai perwatakan seperti Nyonya Mansoor... Tapi a much kinder one la, probably sebab Naz has said something right to her sebab tu "nampak" Naz tu menantu yang sesuai. Puan Sri ne seorang yang sangat tegas, tapi very protective towards those yang dia sayang. However, dia macam tak kisah sangat sampaikan dia "tak sedar" yang perbuatannya telah menyebabkan seorang perempuan jatuh... I like the scene semasa dia "attack" abang ipar Naz, then I like that she gave her lectures kepada Naz yang mana semuanya adalah ajaran yang betul. Di sebalik ketegasan Puan Sri Frieda, I like that Tan Sri can make her look somewhat "manja" seperti nama timangan si suami untuk si Nyonya Mansoor. Seriously like this character. :)

About the ending... I rasa the ending tu ada tak menceritakan apa yang terjadi pada si ex. Cerita tentang kakak si Naz pun ter"cut" begitu saja. I guess, when Khaalish said, "tak baik masuk campur hal rumah tangga orang"... penulis meant for us not to "masuk campur" jugak kot. Cerita si kakak boleh dijadikan another novel *hint hint to penulis* kot. lol

Sebulan novel yang I recommend! Must read!

Sinopsis:

PERTUNANGAN empat tahun dulu memberi impak yang sangat besar dalam kehidupan Nazrahani Idora dan Zaim Khaalish. Walaupun Naz sudah bergelar status tunangan lelaki itu, namun dia tidak pernah bertemu muka dengannya. Khaalish pula tidak pernah ingin mengetahui tentang perempuan itu, yang difikirkannya hanyalah Ilsa.

Naz cuba melupakan peristiwa itu dengan membawa diri, merantau serata dunia. Namun kenapa Allah temukan dia semula dengan lelaki itu?

Dek jatuh hati dengan tunang ‘teknikal’nya, Zaim Khaalish sanggup terbang ke merata pelosok alam untuk menjejaki si dia.

“Encik Zaim Khaalish, awak jangan nak merepek. Tunang amende? Empat tahun tak ambil pusing, jumpa di Bali pun awak tak kenal saya, you dare to say that we are still engaged?”

“Empat tahun ke lapan tahun, saya tak peduli. Technically, we are still engaged.”

“Technically? Technically?!”

Semenjak itu, entah kenapa, Khaalish asyik mencari dan terus menjejaki Naz. Di mana saja Naz berada, dia pasti akan ada di situ. Naz pula, mulut saja kata tak suka, tapi sebenarnya hati suka kerana kehadiran Khaalish di sisi selalu mengubat rasa sunyi dan rindu...

Reham: “Huh, pengecut! Nutter! Apa erti hidup jika kita takut nak kejar kebahagiaan? Kalaupun gagal, sekurang-kurangnya awak sudah mencuba dan boleh reda dengan ketentuan Tuhan. Kebahagiaan datang mengetuk di pintu awak, tapi awak yang takut hendak buka.”

Nazrahani Idora: “Reham, awak tak tahu, empat tahun lalu, teruk saya cuba bangun semula, bina keyakinan diri, bina hidup yang baru, di mana tak ada lagi lelaki yang boleh buat saya rasa tak ada nilai diri. Kalau saya cuba sekali lagi dengan dia, dan... dan... gagal... Saya rasa saya takkan mampu bangun sekali lagi.”

Intan Musa says

Nazrahani Idora Nazari (Naz) dan Zaim Khaalish Kamaruzaman telah ditunangkan empat tahun yang lalu. Tetapi selepas itu mereka tidak berhubungan antara satu dengan lain. Hubungan mereka putus dengan sendirinya. Mereka ketemu kembali di Bali. Khaalish terpicik dengan gaya Naz yang selamba dan lepas. Dia berusaha untuk mengetahui lebih lanjut tentang Naz tetapi Naz banyak mengelak. Naz memulangkan cincin tunang mereka saat mereka berpisah di airport. Khaalish sangat terkejut. Dia mahu pertunangan mereka bersambung. Reham, teman Naz, banyak membantu beri maklumat tentang keberadaan Naz kepada Khaalish. Khaalish mula menjejaki dan memikat Naz. Naz juga mula ada rasa cinta untuk Khaalish tetapi pengalaman lama buat Naz lebih berhati-hati. Khaalish cuba untuk membaiki diri dan cuba untuk lebih mengenali diri Naz serta mendekati teman-temannya. Peristiwa tembak-menembak di sempadan Thai adalah titik perubahan dalam hidup mereka. Mereka bernikah selepas kejadian itu. Hidup mereka selepas berkahwin amat bahagia serta tenang sehingga kehadiran Ilsa (Shonnie) di pintu rumah mereka. Naz mula curiga akan kesetiaan Khaalish. Khaalish pula mula marah-marah dan berahsia. Ilsa menyerang dan menuduh Naz yang memerangkap dia dan Khaalish di Vila. Naz pitam. Khaalish panik. Akhirnya, semua masalah keluarga mereka dapat diselesaikan dengan pertolongan ibu Khaalish. Kehadiran puteri sulong mereka menambah lagi kebahagiaan keluarga mereka.

Nonie?serenity2bliss says

Announcement before review: N nak jual buku ni for RM8. Pada sesiapa yang berminat, boleh lar PM :)

Jika *Projek Memikat Suami* mengisarkan kisah seorang isteri nak memikat si suami, *Kisah Naz dan Khaalish* ialah kisah seorang tunang lelaki memikat si tunang wanita.

Cerita ni memang sesuai dibaca untuk mengurangkan stress. Memang sangat entertaining from the first page, ditambah lagi dengan penggunaan bahasa yang mudah dan ayat-ayat yang witty. Bila dah start, susah betul nak stop! HA memang seorang penulis yang berbakat. Dengan hanya menggunakan plot yang mudah, beliau berjaya menggarap sebuah kisah cinta indah berlatar belakangkan scenery yang exotic.

Naz dan Khaalish ditunangkan empat tahun lalu. Tunang olok-olok hanya kerana keluarga Khaalish yang mahu memisahkan Khaalish dengan teman wanitanya, Ilsa. Sekali pun Khaalish tak pernah bertemu dengan Naz. Penat menunggu hubungan yang entah ke mana, dan kecewa dengan sikap bapanya yang tamak, Naz melarikan diri ke luar negara.

Siapa sangka takdir menemukan mereka di Bali. Sikap selamba dan perwatakan Naz yang mysterious menarik minat Khaalish. Tapi Khaalish tak tahu, Naz ialah tunangnya. Sebelum mereka berpisah, Naz dapat membuat sesuatu yang sangat-sangat dia inginkan: putuskan pertunangannya dengan Khaalish. Cincin tunang dikembalikan.

Empat tahun bertunang, barulah terbit rasa cinta. Naz dijejak Khaalish hinggalah ke Laos. Demi memikat semula hati Naz, Khaalish berulang-alik dua kali sebulan dari KL ke Laos. Lamarannya ditolak kerana Naz yakin, mereka tak akan bahagia. Dia dan Khaalish sangat berbeza. Dahlah Khaalish ni playboy, tak solat pulak tu! Macam mana nak menjadi ketua keluarga?

Tapi sikap ambil berat dan perhatian Khaalish susah nak ditolak. Kesungguhan Khaalish untuk memperisterikannya tak boleh dinafikan. Hatinya yang dingin menjadi cair. Khaalish juga semakin berubah.

Perkahwinan mereka dilangsungkan dengan segera. Mereka sangat bahagia. Khaalish bukanlah seorang suami yang cerewet. Naz pula pandai menjaga dan mengambil hati Khaalish. Naz diterima baik oleh keluarga Khaalish, termasuklah mummy Khaalish yang suka meng-control tapi sayang anak dan menantu.

Kedatangan Shonnie ke rumah mereka pada suatu hari merubah segala-galanya. Khaalish menjadi dingin. Rupa-rupanya Shonnie ialah Ilsa, bekas teman wanita Khaalish. Dia kembali untuk menuntutu haknya. Ilsa rela bersedu, asalkan dia dan Khaalish dapat bersama. Naz pula tak sanggup berkongsi suami. Jika Khaalish berani nak tambah kuota, dia ada tujuh benua untuk melarikan diri!

Sha Mslvoe says

My expression when I got the book. Fresh from oven. Oh yeah!!!!

When I'm too busy to read

Finally, when I got time to read.. I sleep coz my eyes are burning

I hope I can finish it coz I'm only halfway through it

Girl and boy forced to get engaged. Girl ran away. Fated meeting. Boy chases after girl.
Finally, they got married

Awesome... brilliant... enjoyable.

The amazing Hanina Abdullah is back with her fabulous story!!! She is a great author and you won't be disappointed. All I can say, I love Khaalish and Naz.

Kisah Naz dan Khaalish was a light, lovely and enchanting read that I absolutely adored. You might be grinning while reading it.

I liked that the author ceritakan serba sedikit about Luang Prabang. Tempat yang sha tak pernah dengar, satu hari dok googled about this place. Serba sedikit mengenai Luang Prabang.

Luang Prabang, or Louangphrabang, is a city located in north central Laos, at the confluence of the Nam Khan river and Mekong River about 425 km north of Vientiane. It is the capital of Luang Prabang Province. The ancient town of Luang Prabang situated in northern Laos, was designated a UNESCO World Heritage Site in 1995. Luang Prabang is an outstanding example of the fusion of traditional architecture and Lao urban structures with those built by the European colonial authorities in the 19th and 20th centuries. Its unique, remarkably well-preserved townscape illustrates a key stage in the blending of these two distinct cultural traditions.

4 tahun lalu, Naz got engaged with Khaalish. Tunang olok-olok untuk memisahkan Khaalish dan kekasihnya Ilsa. Sudahlah tunang tak ambil tahu, ayah Naz mementingkan harta membuatkan Naz kecewa. She ran away to US untuk mengubati kekecewaannya.

Dengan kuasa Allah, boy met the girl in Bali. Jeng jeng jeng... Khaalish doesn't know the girl yang senyum lebar dan curi2 pandang itu Naz. Sikap Naz buatkan Khaalish tertarik. She was interesting and had so many secrets that totally surprised me. Kalau sha jadi lelaki, sha akan suka. Independent, selamba, sempoi, positive thinking, mature and cute. Siapa tak tertarik.

Hari terakhir di Bali, Naz returned her engagement ring. Pulang dari Malaysia, Khaalish berupaya mencari maklumat tentang Naz.

Khaalish was amazing! I adored him. He was very determined, nothing was going to stop him from wooing her. Khaalish was such a sweetie.

Part mengejar Naz sampai ke Luang Prasad sangat best. Mulut kata tak suka tapi hati mencurah2 sparks. Khaalish sedaya upaya mengambil hati Naz.

They are so perfect for each other. I love the fact that Khaalish seems to have everything and need nothing but discovers that he needs Naz.

Sweetnya Khaalish bila dia membaca kesemua buku Naz untuk selami hatinya. Banyak adegan yang boleh membuatkan kita tersengih2. I admit I can't stop smiling. The dialogues between Khaalish and Naz were great. It was witty and funny. I really liked this book.

Naz cuba melarikan diri dari Khaalish tapi Khaalish tetap berusaha. Bila Khaalish mencari Naz kerna takut kejadian tak baik menimpa Naz di sempadan thai-laos, Naz bersetuju menerima Khaalish. I loved these two together. The sparks were flying right away with these two.

Bermulalah episode Naz as a wife.

I liked Khaalish's mother, Manja. She's only wants the best for her son. I liked how she protected her son from bitchy woman. Opppsss mind my language. His dad cool babe. The way he called her wife, Manja.. perrgghhh romantic yea.

Kedatangan Ilsa untuk meruntuhkan her marriage ditangani baik oleh Naz. Bijak cara Naz mengatasi. Susah nak tengok Naz menangis kecuali masa ayahnya sorokkan her passport.

Cerita ini diakhiri dengan baik sekali walaupun sha merungut rasa tidak puas. I will never get enough of her story. If only Hanina Abdullah had a new romance every month. Am I too demand?? LOL

Kisah kak Naz, Ilyani & suaminya, Ayman tergantung begitu sahaja. Ermmm ada sambungan ke? Begitu jua dengan Ilsa, tak tahu apa jadi. Bagaimana pula kisah Reham & Hamza. Oh semua ini menjadi tanda soal. Adakah novelis akan buat sambungan or cerita yang berkaitan rapat. Ermmm... let's pray.

I just want to let readers know how great this book is. It was an awesome read. That is a great feeling. If you want to get away from stress, this is the book to get. Her solid writing and sense of humor are evident in each novel. This is another can't-put-down book by Hanina Abdullah

All romance lovers should definitely give it a try. Highly recommended...A must read.

Wan Farahana says

Dah baca 3 4 kali ulang dah. Tapi kesempatan nak review tak ada. Ini baru free sikit.

Kisah Naz dan Khaalish, bila saya baca kisah mereka ini, dengan saya sekali terserap masuk dalam kisah ini. Jarang saya baca buku yang dpt mendebarakan dada saya. Cuma a few saja and buku ini termasuk dalam golongan tersebut.

Naz punya character seorang penulis fulltime yang menjadikan kerjaya lain sebagai kerja sampingan untuk menimba pengalaman. Dari apa diceritakan oleh penulis Naz seorang yang cool, tak control, tak cantik sangat, suka cabaran, suka travel, suka tolong orang susah, pendek kata serba serbi sederhana.

Khaalish pulak anak jutawan of course. Buaya darat yang dalam masa 4 tahun ada beratus 'girlfriend' dek kerana kekecewaan dengan seorang gadis yang cinta mereka tak direstui oleh ibunya si Khaalish atau lebih dikenali oleh Nyonya mansor abad moden oleh Naz.

Takdir telah menemukan Khaal dan Naz tunang teknikalnya di Bali, buat Khaal jatuh hati dengan Naz. So macam-macam teknik menarik yang Khaal buat untuk tackle hati si tunang teknikal dia termasuk la terpaksa bermain satu game yang di nama kan 20 questions game untuk find out location si tunang teknikal.

And finally, dia berjaya..Yes!

ok..review saya..

Cerita ini..BEST BOMBASTIK semua huruf besar :)

Gaya santai penulis buat saya tak jemu baca. Somehow I feel like I'm belong in that story..bukan heroin of course :P

Konflik tak berat saya which is good la sebab tak larat la nak baca bahan bacaan yang berat-berat nie. Tapi penderitaan Naz sepanjang 4 tahun jadi tunang teknikal si Khaal agak terkesan di hati saya.

Luang what? Luang Prabang? Ada ke nama tempat tue? Tak pernah saya tau kewujudan tempat tersebut sehinggalah baca novel nie.Hahaha..out geografi. Kalau saya yang jawab 20 question tue agaknya memang takkan jumpa la si Naz sampai bila-bila.

Kisah Naz dan Khaalish nie buat saya sangat teringin untuk travel. Travel ke tempat-tempat yang belum benar membangun. Tengok budaya mereka, tengok makanan mereka, tengok tempat menarik mereka. Aishh..betul membuai perasaan betullah..

cuma kalau boleh ada sedikit kekeliruan dengan komunikasi diantara Naz dan kawan-kawannya terutama Reham. Memandangkan kawan-kawan Naz foreigner, mereka berbahasa menggunakan bahasa melayu ke? ke menggunakan bahasa inggeris? Kalau bahasa inggeris kenapa tidak keseluruhan dialog? Kenapa bercampur2?

Mungkin ada limitation dalam menulis bahasa asing dalam novel bahasa melayu. Mungkin untuk mengelakkan orang tak faham atau hanya beberapa peratus sj yang bahasa asing yang boleh digunakan dalam sesebuah novel bahasa melayu. Mungkin la..saya tak tau sebab saya tak tulis novel. :) Tapi itu tak jadi hal yang besar pun, yang penting saya tersangatla enjoy baca novel nie. Thumbs Up!

Moral of the story is kejayaan akan datang kepada mereka yang bersabar :)oleh itu sabar dan berusahaalah, sebab itu kunci kejayaan. Cliche but real fact..

And, jauh pemandangan luas pengalaman. Jom travel :)
